

TERMA RUJUKAN

TENAGA PAKAR UNTUK PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN OUTCOME PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 MITI UNTUK PROGRAM MEMODENKAN PERATURAN PERNIAGAAN (MBR)

1. Latar Belakang

Dasar dan peraturan yang baik adalah merupakan faktor penting dalam memupuk pertumbuhan produktiviti yang merupakan sumber kemakmuran negara. Peraturan yang dibangunkan oleh pembuat dasar dan dikuatkuasakan oleh pihak pengawal selia bertujuan untuk menjaga kesejahteraan rakyat. Bagaimanapun, peraturan yang tidak wajar akan membebankan dan menyebabkan kos pematuhan yang tinggi kepada para peniaga dan menjadi penghalang kepada pertumbuhan produktiviti, inovasi dan daya saing negara.

Pendekatan Amalan Baik Peraturan dalam pelaksanaan pembaharuan peraturan memastikan semua pembangunan peraturan baharu atau semakan semula, dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan yang seimbang dan saksama serta telus, dan dapat menyokong kepada persekitaran perniagaan yang kondusif. Amalan Baik Peraturan turut memastikan peraturan-peraturan yang rumit serta menimbulkan beban yang tidak wajar kepada masyarakat dan perniagaan, menghalang persaingan dan inovasi, dan tidak melalui penglibatan pihak berkepentingan, dapat dikurangkan dan dielakkan sama sekali.

Di bawah RMKe-11, Bab 2, Strategi 1: Meningkatkan Potensi Produktiviti - Pembaharuan peraturan akan dipercepat bagi memastikan peraturan baharu dan sedia ada serta pentadbiran dan penguatkuasaan peraturan adalah selaras dengan Amalan Baik Peraturan. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberi mandat untuk mengkaji semula semua peraturan yang melibatkan pengendalian perniagaan di Malaysia dengan tujuan memodenkan peraturan perniagaan bagi menggalakkan pertumbuhan perusahaan, kekayaan dan guna tenaga.

2. Objektif

Secara umumnya, laporan ini bermatlamat melaporkan prestasi pelaksanaan dan pencapaian program Memodenkan Peraturan Perniagaan (*Modernising Business Regulation* – MBR) yang dibiayai oleh peruntukan RMKe-11.

Secara spesifik, ia bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. melaporkan pencapaian output sasaran dan sebenar;
- ii. menilai tahap pencapaian outcome;
- iii. mengenalpasti isu-isu berkaitan dan mengusulkan cadangan penambahbaikan (sekiranya perlu).

3. Skop

Program MBR adalah program di bawah RMKe-11 (2016 – 2020). Bagi tujuan penyediaan laporan penilaian outcome ini, skop laporan hanya melibatkan Rolling Plan 1 & 2 (2016-2017).

4. Metodologi

Laporan ini menggunakan pendekatan kaedah laporan campuran yang bersesuaian termasuk iaitu kaedah Laporan Kes dan kaedah Analisis Jurang memberi tumpuan kepada tiga laporan antarabangsa utama yang dipantau oleh MPC iaitu laporan daya saing utama iaitu World Competitiveness Yearbook (WCY), Global Competitiveness Report (GCR) dan World Bank Doing Business.

5. Tempoh

Tempoh yang ditetapkan bermula pada bulan September dan berakhir pada bulan November 2020 atau sehingga laporan akhir sempurna dan memenuhi keperluan pemegang taruh. Carta Perbatuan Kajian adalah seperti di **Lampiran 1**.

Walau bagaimanapun, untuk kerja-kerja yang melibatkan tenaga pakar, ia bermula pada Oktober 2020 dengan penyediaan draf laporan sehingga penyediaan laporan akhir yang memenuhi keperluan kajian. Kerja awalan hanya melibatkan MPC dan MITI.

6. Jawatankuasa Penilaian dan Pasukan Kerja

JAWATANKUASA PENILAIAN	PASUKAN KERJA
PENGERUSI Pengarah Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan, MITI KOORDINATOR Unit Pembangunan, Bahagian Kewangan, MITI AHLI 1. Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan, MITI 2. Bahagian Kewangan, MITI 3. Bahagian Perancangan Strategik, MITI 4. MPC	PENGERUSI Pengarah Pembangunan Produktiviti & Daya Saing, MPC AHLI 1. Bahagian Perancangan Strategik, MITI 2. Bahagian Perancangan dan Pembangunan Korporat, MPC URUS SETIA Pemilik/Pelaksana Program MBR

7.0 Peranan dan Tanggungjawab (Skop Kerja)

- i. Menyimpulkan maklumat berkaitan laporan menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian
- ii. Membuat analisis menggunakan kaedah yang bersesuaian
- iii. Menyediakan laporan berdasarkan kaedah yang telah ditentukan untuk mencapai objektif seperti perkara 2 di atas. Laporan termasuklah deraf laporan, laporan akhir dan slaid pembentangan berkenaan laporan.
- iv. Menyertai mesyuarat dan perbincangan berkaitan laporan dengan pihak berkepentingan

8.0 Terma Bayaran

Untuk tugas ini, tenaga pakar ditawarkan bayaran sebanyak RM18,000.00 (RM Lapan Belas Ribu Sahaja) dengan dua (2) kali bayaran seperti jadual bayaran di bawah.

Bayaran mengikut peringkat		Bil. Hari	Kadar/ Hari (RM)	Jumlah (RM)
Bayaran 1	Pengumpulan maklumat, analisis dan penyediaan deraf laporan Kertas Penilaian Outcome	4	2,000	8,000
Bayaran 2	Penambahbaikan deraf laporan dan penyediaan laporan akhir Kertas Penilaian Outcome	5	2,000	10,000
			JUMLAH	18,000.00

6.0 Hak Eksklusif MPC

- MPC mempunyai hak mutlak untuk laporan yang disediakan termasuk penerbitan, skrip dan sebarang gambar yang relevan.
- Tidak ada bahagian dari laporan ini yang dapat diperbanyak, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk apa pun atau cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis daripada MPC terlebih dahulu.
- Tenaga pakar atau organisasi mereka bersetuju bahawa nama mereka tidak akan disiarkan dalam laporan ini.

- Menjadi tugas tenaga pakar untuk berkomunikasi dengan organisasi/ industri untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk tujuan laporan ini menggunakan kaedah/medium yang bersesuaian
- Semua teks bertulis mestilah asli dan tidak diterbitkan sebelumnya. Sebarang penulisan yang telah diciplak akan ditolak.

Lampiran 1

Carta Perbatuan

[illegible]